



UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan kunjungan hormat kepada Kementerian Persekutuan Jepun baru-baru ini.

Kunjungan itu yang diadakan bertempat di ibu pejabat kementerian tersebut di Tokyo menyaksikan rombongan UMS yang diketuai oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah telah disambut baik oleh Ketua Pengarah, Biro Pemuliharaan Alam, Kazauaki Hoshino.

Pada pertemuan itu, Datuk Harun telah memberikan taklimat ringkas mengenai jalinan kerjasama yang telah dibina dengan beberapa universiti di negara berkenaan selama ini.

Beliau turut memaklumkan tentang usaha sama program pemuliharaan dengan kerjasama Jepun di negeri ini seperti Projek Pembangunan Mapan untuk Pemuliharaan Biodiversiti dan Ekosistem Sabah (SDBEC) sambil menyifatkan inisiatif Eko-Kampus sebagai sebahagian usaha UMS dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar.

Rombongan UMS turut disertai Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan, Prof. Dr. Charles Vairappan; Pengarah Pusat Pengurusan Eko-Kampus, Dr. Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul dan Ketua Penasihat Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) Kota Kinabalu, Kazunobu Suzuki.

Pada kunjungan itu, rombongan UMS juga turut berkesempatan melawat Pejabat Strategi Biodiversiti Global di kementerian berkenaan.

Kelihatan dalam gambar rombongan UMS diketuai Harun (tengah) bergambar bersama dengan Kazauaki Hoshino (kedua dari kiri) serta Awangku (kiri), Charles (kedua dari kanan) dan Kazunobu Suzuki (kanan)